

Media: Utusan Malaysia Ekonomi
Date: 18 November, 2006

[Back to Main List](#)

Tawaran Apex Healthcare dilanggan sepenuhnya

FLEISHMAN-HILLARD

Suite C-07-12 Plaza Mont' Kiara, No. 2 Jalan Kiara, Mont' Kiara, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. (Tel : 603 6411 9133, Fax : 603 6411 9122)

PRESS RECORD

Client : Apex Healthcare
Media : Utusan Malaysia
Section : Ekonomi

Date Published : 18 November 2006
Page : 21

Tawaran Apex Healthcare dilanggan sepenuhnya

KUALA LUMPUR 17 Nov. – Tawaran persendirian pengeluar produk kesihatan, Apex Healthcare Bhd. (Apex Healthcare), kumpulan farmaseutikal terkenal di Malaysia, melibatkan 6.6 juta saham biasa baru telah dilanggan sepenuhnya oleh pelabur.

Pengarah Urusan Apex Healthcare, Dr. Kee Kirk Chin berkata, keputusan langganan tawaran itu mencerminkan keyakinan para pelabur terhadap pihak pengurusan dan pertumbuhan perniagaan syarikat di masa hadapan.

"Tawaran persendirian ini, apabila disempurnakan kelak akan meningkatkan modal saham Apex Healthcare kepada RM74.97 juta berbanding RM68.37 juta sebelum ini," kata beliau dalam kenyataan di sini, hari ini.

Saham tersebut ditawarkan pada harga RM1.63 sesaham selepas diskaun 6.7 peratus daripada harga purata wajaran selama lima hari dagangan sebelum tarikh penetapan harga. Penyenaraian saham baru itu dijangka dilaksanakan pada akhir bulan November 2006.

Apex Healthcare merupakan pemborong farmaseutikal sektor swasta terbesar di negara ini dengan penguasaan pasaran lebih 50 peratus daripada pasaran farmaseutikal menerusi rangkaian pengedar di lebih 1,400 farmasi, 100 pasar raya, 250 kedai ubat dan 3,600 klinik.

Mengulas lanjut, Kirk Chin berkata, selain daripada meraih modal, tawaran persendirian ini dijangka meningkatkan kecairan saham dan menambah bilangan pemegang saham.